

LAPORAN TAHUNAN 2021 ANNUAL REPORT 2021

MYPARKS ANNUAL GENERAL MEETING

AGM 7TH

2021

**18TH SEPTEMBER 2021
10:00AM-12:00PM
VIA ZOOM MEETING LINK**



MyParks
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2021 MyParks

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7

18 September 2021

(Aliran Maya)



**PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA
(MyParks)**

KANDUNGAN

Muka Surat

1.0	Perutusan Presiden	4
2.0	Senarai Ahli Majlis	6
3.0	Notis Panggilan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-7 Tahun 2021	7
	3.1 Agenda Mesyuarat Agung	
	3.2 Borang Usul	
	3.3 Borang Pencalonan Ahli Majlis MyPark Sesi 2021-2023	
	3.4 Minit Mesyuarat Agung Tahunan MyParks yang ke-6, Tahun 2020	
4.0	Laporan Setiausaha	22
5.0	Laporan Bendahari	27
	5.1 Penyata Tahunan 2020 bagi Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia	
	5.2 Penyata Tahunan 2021 bagi Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia	
	5.3 Perakuan Penerimaan Juruaudit bagi Penyata Tahunan	
6.0	Laporan Aktiviti	33
	6.1 Pindaan Perlembangaan	33
	6.2 Perhubungan Antarabangsa	53
	6.3 Komunikasi Strategik & Promosi	58
	6.4 Amalan Profesional	62
	6.5 MyParks Webinar Series	64
	6.6 Anugerah MyParks Bagi Taman & Rekreasi	73
	6.7 Keahlian	79
7.0	Pemilihan Ahli Majlis bagi JK MyParks Sesi 2021/2023	81
8.0	Senarai Ahli	82
9.0	Lampiran	85

1.0 PERUTUSAN PRESIDEN



Perutusan Presiden

Assalamualaikum warahmatullahiwalbarakatuh dan salam sejahtera kepada semua ahli-ahli MyParks yang dikasihi.

Selamat datang ke Mesyuarat Agung Tahunan MyParks yang ke-7, Tahun 2021.

Kita sedia maklum sekali lagi tahun ini, kita menerima cabaran pandemik Covid19 yang malah lebih serius berbanding 2020 yang mana telah menghadkan pergerakan dan aktiviti MyParks. Semoga kita terus bertabah dan terus bergiat dalam norma baharu yang walaupun bagaimanapun juga mempunyai pengajaran dan hikmah yang tersendiri.

Saya amat bangga bahawa hikmah-hikmah ini telah MyParks gunakan dengan sangat baik sehingga banyak aktiviti yang dapat dijalankan. Dengan kecanggihan platform digital contohnya, telah membolehkan kita bermesyuarat dengan lebih kerap dan menghadiri persidangan atau webinar antarabangsa yang dianjurkan oleh World Urban Parks dan yang lain-lain berkaitan pengurusan taman.

Antara aktiviti utama, tahun ini ialah webinar pertama MyParks yang berjaya mengumpulkan lebih 100 orang peserta. Inilah kali pertama kita menjadi penganjur utama acara ilmiah seperti ini. Pada tahun ini juga kita telah berjaya menggariskan panduan Anugerah MyParks yang akan kita laksanakan sejurus dengan berakhirnya sekatan perjalanan. Disamping itu, ahli-ahli yang terlibat di dalam kegiatan antarabangsa juga telah bergiat sambil mempromosikan MyParks dan Malaysia di mata dunia. Syabas diucapkan kepada yang terlibat dan sokongan yang padu oleh ahli-ahli MyParks.

Dalam tahun ini juga kita telah dapat menambah ahli-ahli baharu daripada organisasi organisasi yang aktif dalam mempromosikan amalan baik pengurusan taman. Semoga keahlian MyParks terus bertambah dengan usaha ahli-ahli untuk terus mengembangkan bidang pengaruh MyParks.

Dalam Mesyuarat Agung kali ini pelbagai perkara penting yang akan dibincangkan terutama berkenaan Perlembagaan MyParks. Semoga kita mencapai kata sepakat lagi muafakat untuk kelancaran pengurusan Persatuan yang kita cintai ini.

Ahli ahli MyParks yang di kasihi. Tahun 2021 ini merupakan tahun dimana kita akan melaksanakan undian bagi barisan ahli ahli Majlis yang baharu. Justeru, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada ahli Majlis 2019-2021. Saya merasa amat bertuah kerana dapat bertugas bersama dan mempunyai barisan sekretariat yang sangat efisien. Terima kasih kepada semua di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Seterusnya saya mengucapkan selamat maju jaya kepada barisan ahli majlis yang baharu yang akan kita kenal pasti melalui undian selepas mesyuarat ini.

Sekali lagi diucapkan ribuan terima kasih kepada semua, selamat mengundi dan semoga kita terus bergiat dan MyParks sentiasa maju jaya dalam memperjuangkan kelestarian taman-taman di negara ini untuk kemanfaatan yang seimbang.

Sekian untuk kali ini dan kita mulakan Mesyuarat Agung MyParks yang ke tujuh. Saya sudahi ucapan aluan ini dengan Wabillahitauq Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmahtullahi wabarakatuh.



Dr. Noor Azlin Yahya

Presiden MyParks

18 September 2021

2.0 SENARAI AHLI MAJLIS MyPARKS Sesi 2019/2021

	JAWATAN	PEMEGANG
	EX-OFFICIO	YBhg. Dato' Ismail Ngah
1	PRESIDEN	Dr. Noor Azlin Yahya
2	NAIB PRESIDEN	Puan Hajah Rotina Mohd Daik
3	SETIAUSAHA KEHORMAT	LAr. Noriah Mat
4	PEN S/U KEHORMAT	Nur Suriani Salleh
5	BENDAHARI	Dr. Ahmad Nazrin Aris Anuar
6	AHLI MAJLIS BIASA	YBhg. Dato' Shaharuddin Mohamad Ismail
7	AHLI MAJLIS BIASA	LAr. Asmah Yahaya
8	AHLI MAJLIS BIASA	Dr. Kamarul Bahrain Shuib
9	AHLI MAJLIS BIASA	Sahiful Rizam Che Mohd
10	AHLI MAJLIS BIASA	Dr. Azman A Rahman
11	AHLI MAJLIS BIASA	LAr. Norhaliza Hanifah
12	AHLI MAJLIS BIASA	Dr. Nor Hanisah Hashim
13	AHLI MAJLIS BIASA	Firdaus Chek Sulaiman
14	AHLI MAJLIS BIASA	Ely Rouzee Jamaluddin
15	AHLI MAJLIS BIASA	LAr. Ruhaila Rahman
16	AHLI MAJLIS BIASA	Dr. Rabiatal Adawiyah Nasir
17.	JURUAUDIT 1	YBhg. Datin Seri Mazueen Khalid
18.	JURUAUDIT 2	YM Tengku Ravalina Binti Tengku Mohamad Adlan

3.0 NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG MYPARKS KE-7 TAHUN 2021

Tarikh : 15 Ogos 2021

No Rujukan : AGM 7- 2020/2021

Kepada
Semua Ahli MyParks

YBhg Dato'/Datuk/Datin Seri/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-7 TAHUN 2021 PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks)

Mengikut peruntukan Fasal 7 (3) dan (4) Perlembagaan Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia mengenai pengumuman -Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan MyParks kali yang ke-7 Tahun 2021 akan diadakan seperti berikut:

Tarikh	: 18 September 2021 (Sabtu)
Masa	: 9:00 pagi -12:00 tgh
Tempat	: Menggunakan platform Google Meet
Aturcara majlis	: Rujuk Lampiran

Sukacitanya dimaklumkan bahawa sebarang usul dan pencalonan yang hendak dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan perlu disampaikan sebelum atau pada 30 September 2021 kepada:

LAr. Noriah Mat
Setiausaha Kehormat MyParks
HP : 019-262 7047
E-mel : HonSecretary MyParks
myparksmalaysia@gmail.com

Pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli MyParks di atas sokongan dan kehadiran YBhg Dato'/Datuk/Datin Seri/Prof/Dr./Tuan/Puan. Sekian.

Yang benar,



NORIAH MAT

SETIAUSAHA KEHORMAT

Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia (MyParks)

s.k

Dr. Noor Azlin Yahya

Presiden

Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia (MyParks)

3.1 AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-7 TAHUN 2021

PERTUBUHAN: PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks)

MESYUARAT : MESYUARAT AGUNG KALI KE-7 TAHUN 2021

TARIKH : 18 September 2021 (SABTU)

MASA : 9:00 Pagi

TEMPAT : DI ATAS TALIAN (Link: Akan di hantar kemudian)

ATUR CARA MAJLIS

8:30 pagi - 9:00 pagi : Pendaftaran masuk secara maya
9:00 pagi -11:00 pagi : Mesyuarat Agung Tahunan 2021
11:00 pagi -11:05 pagi : Pembuburan JK MyParks Sesi 2019-2021
11:05 pagi - 11:45 pagi : Pemilihan Ahli Majlis MyParks Sesi 2021-2023
11:45 pagi - 12:00 tgh : Ucapan Ringkas Presiden Sesi 2021-2023
dan sesi rakaman foto
12:00 tgh : Bersurai

AGENDA MESYUARAT

1. Kata-kata aluan dan ucapan Presiden
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 Tahun 2020
3. Pembentangan Laporan Tahunan 2021 oleh Setiausaha Kehormat
4. Pembentangan Laporan Kewangan Tahunan 2020-2021 oleh Bendahari
5. Laporan Aktiviti
 - 5.1 Webinar: New Normal /COVID 19
 - 5.2 Anugerah MyParks Bagi Taman & Rekreasi
 - 5.4 Pindaan Perlembangaan
6. Penangguhan Mesyuarat Agung

3.2 BORANG USUL

LAMPIRAN 2

**MESYUARAT AGUNG KALI KE-7 TAHUN 2021 PERTUBUHAN
PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks)
PADA 18 SEPTEMBER 2021 (SABTU)**

BORANG USUL

PENCADANG	PENYOKONG
Nama:	Nama:
No. Ahli:	No. Ahli:
Tandatangan:	Tandatangan
Tarikh:	Tarikh:

Nota:

1. Usul adalah merupakan cadangan para ahli Pertubuhan untuk tujuan memaju dan menambahbaik pentadbiran dan hala tuju Pertubuhan.
2. Borang Usul hendaklah dikembalikan kepada **Setiausaha Kehormat, MyParks** di alamat email **myparksmalaysia@gmail.com** selewat-lewatnya pada **11^{hb} September 2021**.
3. Majlis MyParks berhak menolak usul yang diterima selepas 11^{hb} September 2021 untuk dibentangkan pada Mesyuarat Agung.
4. Pencadang hendaklah hadir pada Mesyuarat Agung untuk membentangkan dan/atau memberi penerangan justifikasi terhadap usul. Usul yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung hendaklah diambil kira dalam tindakan Majlis dan Jawatankuasa MyParks.

USUL

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

3.3 BORANG PENCALONAN

LAMPIRAN 3

MESYUARAT AGUNG KALI KE-7 TAHUN 2021 PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks) PADA 18 SEPTEMBER 2021 (SABTU)

BORANG PENCALONAN MAJLIS MyParks SESI 2021-2023

Nota:

1. Hanya ahli yang telah menjelaskan yuran keahlian tahunan sehingga tahun terkini sahaja yang layak mengundi dan dicalonkan memegang jawatan dalam Persatuan.
2. Borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada **Setiausaha MyParks** di alamat email **myparksmalaysia@gmail.com** selewat-lewatnya pada **11th September 2021**.
3. Perlembagaan Pertubuhan Pengurusan Taman Ameniti Dan Rekreasi Malaysia (MyParks) telah menetapkan yang berikut:

FASAL 8 JAWATANKUASA

1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:
 - i. Seorang **Presiden**
 - ii. Seorang Timbalan **Presiden**
 - iii. Seorang Setiausaha
 - iv. Seorang Penolong Setiausaha
 - v. Seorang Bendahari
 - vi. **Empat** orang Ahli Jawatankuasa Biasa
2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.
3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih semula dua tahun sekali.
4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung.
5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat
6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa:
 - i. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
 - ii. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan
 - iii. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam minit.
7. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa **dua** kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.
8. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.
10. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa. Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, perlembagaan berdaftar, salinan Penyata Tahunan, surat-surat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.

**MESYUARAT AGUNG KALI KE-7 TAHUN 2021 PERTUBUHAN
PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI
MALAYSIA (MyParks)
PADA 18 SEPTEMBER 2021 (SABTU)**

BORANG PENCALONAN

MAJLIS MyParks SESI 2021-2023

NO.	JAWATAN	NAMA CALON (SILA ISI)
1.	PRESIDEN	
2.	TIMBALAN PRESIDEN	
3.	SETIAUSAHA	
4.	PENOLONG SETIAUSAHA	
5.	BENDAHARI	
6.	AHLI JAWATANKUASA 1	
7.	AHLI JAWATANKUASA 2	
8.	AHLI JAWATANKUASA 3	
9 .	AHLI JAWATANKUASA 4	
10 .	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1	
11.	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2	

3.4 MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MYPARKS YANG KE-6



PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks)

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-6

Tarikh : 27 September 2020 (Ahad)
Masa : 9:00 pagi - 11:45 pagi
Tempat: : Bilik Mesyuarat Agathis, Bangunan D4, Institut Penyelidikan
Perhutanan Malaysia

KEHADIRAN

1. Dato' Ismail Bin Ngah	Ex-Officio
2. Dr Noor Azlin Binti Yahya	Presiden
3. Puan Noriah Binti Mat	S/U Kehormat
4. Puan Nur Suriani Binti Salleh	Penolong S/U Kehormat
5. Dato' Shaharuddin Bin Mohamad Ismail	Naib Presiden
6. Sr Dr Ahmad Nazrin Aris Bin Anuar	Bendahari
7. PM Dr Kamarul Bahrain Bin Shuib	Ahli Majlis
8. Puan Asmah Binti Yahaya	Ahli Majlis
9. Dr Azman Bin A Rahman	Ahli Majlis
10. Dr Rabiatal Adawiyah Binti Nasir	Ahli Majlis
11. Puan Norhaliza Binti Hanifah	Ahli Majlis
12. Puan Ely Rouzee Jamaluddin	Ahli Majlis
13. Encik Nawfal Kamarul Bahrain	Ahli Majlis
14. Lar. Ruhaila binti Abdul Rahman	Ahli Majlis
15. Datin Seri Mazzueen Md Khalid	Juruaudit
16. Dr Mohd Aswad Ramlan	Ahli Professional
17. Dr. Noor Akmar Abdul Aziz	Ahli Professional
18. Puan Nor Nisha Binti Mohd Idrus	Ahli Professional

[Fasal 7 (1): Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum untuk mesyuarat].

Ahli yang berhak mengundi sehingga hari ini (Ahli Profesional) adalah seramai 38 orang.

Bah.	Perkara	Tindakan
A	<u>Ucapan Alu-aluan Presiden</u> 1. Puan Presiden memulakan mesyuarat agung tertangguh dengan mengalu-alukan kedatangan dan kehadiran semua ahli secara fizikal dan juga secara atas talian. Disebabkan pandemik COVID-19 yang masih berleluasa, mesyuarat juga menerima kehadiran ahli secara atas talian menggunakan <i>Google Meet</i>. 2. Puan Presiden juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Ismail bin Ngah di atas komitmen dan sumbangan yang diberikan sepanjang beliau menjadi Presiden MyParks selama 4 tahun. 3. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Ahli Majlis dan ahli-ahli MyParks diatas kepercayaan dan kerjasama yang telah diberikan semenjak Mei 2019 sehingga kini.	Makluman Makluman Makluman
B	<u>Pembentangan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 pd 23/7/2018</u>	

C	4. Presiden seterusnya membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-5 yang diadakan di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam pada 11 Mei 2019.	Makluman
	5. Minit Mesyuarat Agung ini telah diterima dengan cadangan oleh Dato' Shaharuddin dan disokong oleh Datuk Ismail.	Makluman
	<u>Pembentangan Laporan Aktiviti MyParks bagi tahun 2019-2020</u>	
	6. Mesyuarat seterusnya mempertimbangkan laporan aktiviti Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia bagi tempoh 2018-2019. Ahli adalah dimohon merujuk laporan tahunan 2020.	Makluman
	7. Puan Suriani telah membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah disertai oleh MyParks bermula tahun 2019 sehingga Mac 2020 iaitu: i. MyParks' Meet & Greet di Royal Floria Putrajaya 2019 pada 5 September 2019 ii. Lawatan Pelajar Pusat Pengajian Pengurusan Taman dan Ameniti ke FRIM pada 6 November 2019 iii. Majlis Makan Malam dan Penyerahan Provision Certificate of Park Professional Pusat Pengajian Pengurusan Taman dan Ameniti pada 19 November 2019 iv. MyParks sertai 'PUTRAJAYA PARKS DAY' pada 23 Februari 2020	Makluman

	v. MyParks sertai Hari Landskap Negara pada 1 Mac 2020 vi. MyParks sertai WUP Asia Pacific Regional Forum 'COVID-19 and Parks' pada 25 April 2020 8. Dr Kamarul telah memaklumkan bahawa terdapat pertambahan ahli-ahli professional dan ahli-ahli bersekutu pelajar. Senarai baharu telah dimuat naik ke dalam laman media sosial MyParks pada 26 September 2020. Senarai ahli-ahli baharu ialah: Ahli professional: 1. Dr Mohd Aswad Ramlan 2. Dr. Noor Akmar Abdul Aziz Ahli Bersekutu Pelajar: 1. Adila Rahil Abd Razak 2. Ahmad Shah At Thabarany Zulkefli 3. Aida Fazila Ab Aziz 4. Ali Sofian Abdul Karim 5. Alysa Amizi 6. Asyikin Sakri 7. Fifi Fildza Fakhru Marzuki 8. Mohamad Hairi Hasrul Mat Said 9. Mohamad Hamizan Rahmad 10. Muhammad Amirul Afiq Wahab 11. Muhammad Amirul Aizat Mohd Jais 12. Muhammad Asyraf Wajdi Saidi 13. Muhammad Faris Syamim Zainuddin 14. Muhammad Hakim Mohd Ali 15. Muhammad Ridzuan Mat Hassan 16. Muhammad Zulhilmi Suhaini 17. Nasha Azaileen Mat Zaid	Makluman
--	--	----------

18.	Nooraini Afifah Noorden	
19.	Nor Azimah Mohd Nor	
20.	Nor Izzatie Rahmat	
21.	Nur Ain Zailani	
22.	Nur Aina Amira Mohd Yusof	
23.	Nur Alia Othman	
24.	Nur Balqis Mustafa	
25.	Nur Fariah Khalid	
26.	Nur Fatini Ramli	
27.	Nur Hayani Zabidi	
28.	Nur Hidayah Hamdan	
29.	Nur Ili Hasmida Mustaffa	
30.	Nur Liyana Syahirah Rusli	
31.	Nur Nasreen Nadhirah Junaidey	
32.	Nur Shafikah Y. Sahul Hameed Maricair	
33.	Nur Shafiqqa Ramli	
34.	Nur Shariza Yacob	
35.	Nur Suhaili Mohamad Noor	
36.	Nur Syafiqamisbah	
37.	Nur Syahirah Ramlan	
38.	Nurfarah Afiqah Yusni	
39.	Nurin Najihah Baharudin	
40.	Nurul Ain Samat	
41.	Nurul Ain Mohamad Fazli	
42.	Nurul Atiekah Shukri	
43.	Nurul Izani Mat Suki	
44.	Nurul Syafiqah Mohd Yusri	
45.	Nurul Syuhada Mohd Akhbar	
46.	Nurun Najihamisnon	
47.	Siti Fatihah Noorhusna Ahmad Sallehudin	
48.	Siti Nurul Farhana Ahmad	
49.	Siti Suaidah Shaari	
50.	Siti Umi Fazila Hussin	

D	51. Wan Aisyah Mohd Nizam	
	52. Wan Farmy Izzudin Wan Mazlan	
	53. Wan Nur Hanan W. Adnan	
	54. Zarif Syamil Abd Radzak	
	55. Nor Syazalinamohd Yusri	
	56. Safiah Sidek	
	57. Muhammad Fazli Jainudin	
	<u>Laporan Kewangan</u>	
	9. Mesyuarat diminta untuk mempertimbangkan laporan kewangan MyParks yang dibentangkan oleh Presiden.	Makluman
	10. Mesyuarat menerima penyata kewangan ini dengan sedikit penambahbaikan iaitu laporan perlu disediakan mengikut format terdahulu seperti minit mesyuarat agung tahunan yang lepas.	Bendahari
	11. Penyata kewangan perlu disediakan dalam dua format iaitu laporan sehingga 31 Disember 2019 dan laporan sehingga September 2020.	Bendahari
	12. Setelah laporan siap dikemaskini oleh Dr Nazrin, Puan Noriah akan memuat naik laporan ke dalam eROS.	Bendahari & S/U
	13. Dato' Shahrudin setuju untuk menerima laporan kewangan dengan mengikut format terdahulu dan disokong oleh Dr Aswad.	Kehormat Makluman
E	<u>Pindaan Perlembagaan</u>	
	1. Dr Kamarul telah memaklumkan bahawa pindaan perlembagaan yang telah dibuat di dalam Mesyuarat	Makluman


	Agung Tahunan di Jabatan Landskap Negara pada 23 Julai 2018 telah ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Usul yang telah ialah: i. Mengurangkan bilangan Ahli Majlis dari 16 orang sekarang ini kepada 11 orang iaitu: i. Presiden ii. Naib Presiden iii. Setiausaha Kehormat iv. Penolong Setiausaha Kehormat v. Bendahari vi. Ahli Majlis Biasa vii. Ahli Majlis Biasa viii. Ahli Majlis Biasa ix. Ahli Majlis Biasa x. Ahli Majlis Biasa xi. Ahli Majlis Biasa ii. Yuran Ahli Bersekutu Pelajar (ABP) dipinda dari yuran tahunan RM25 setahun kepada RM25.00 sekali masuk untuk selama pelajar berada di dalam tempuh pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. 2. Dr Kamarul telah memaklumkan bahawa sesi pertemuan akan dibuat untuk bertanya kenapa pindaan ditolak dan menerangkan sebab pindaan perlu dibuat kepada pegawai ROS. 3. Puan Noriah mencadangkan bahawa permohonan ini boleh dibuat semula dan dihantar dalam masa 30 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan tahun 2020 dibuat.	Dr Kamarul & Setiausaha Kehormat Dr Kamarul & Setiausaha Kehormat Makluman
--	---	---

F	4. Puan Presiden bersetuju bahawa pindaan perlembagaan perlu dimohon semula dan mencadangkan Puan Noriah turut hadir sama dalam perjumpaan bersama pegawai ROS bagi membantu urusan pindaan perlembagaan ini.	Setiausaha Kehormat
	<u>Laman Web MyParks</u>	
	1. Puan Noriah memaklumkan bahawa laman web MyParks telah aktif dengan pautan seperti berikut: https://myparks.org.my. Ahli-ahli diminta mengunjungi laman web ini dan juga menyebarkan kepada orang ramai untuk tujuan promosi.	Makluman
	2. Pandangan serta cadangan untuk menambahbaik laman web adalah dialu-alukan. Antara yang dicadangkan ialah penyediaan buletin secara bulanan dan dimuat naik ke laman web.	Makluman
G	3. Puan Noriah meminta Datuk Ismail, Prof Kamarul dan Dr Noor Azlin supaya dapat memberi maklumat mengenai sejarah pembentukan MyParks supaya dimuat naik ke laman web.	Datuk Ismail, Prof Kamarul, Dr Noor Azlin Puan Noriah
	4. Dato' Ismail mencadangkan supaya <i>allience</i> MyParks seperti Pihak Berkuasa Tempatan dimasukkan ke dalam laman web.	
	<u>Hal-hal Lain</u>	
	1. Puan Presiden memaklumkan bahawa Seminar Green Pavlova yang sepatutnya diadakan pada 4-7 Mei 2020	Makluman

	di Rotorua, New Zealand telah ditunda ke Mei 2021 berikutan penularan COVID-19.	
	2. Mengenai pertandingan taman-taman sepertimana yang dibuat oleh WUP, MyParks akan berjumpa dengan Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik bagi membincangkan mengenai perkara ini.	Makluman
	3. MyParks mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli yang dilantik mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa iaitu: i. Datuk Ismail Ngah sebagai <i>Board Member of the World Urban Parks</i> ii. Dr. Noor Azlin Yahya sebagai <i>Board Member of the World Urban Parks Asia Pacific</i> iii. Dr. Nor Akmar Abdul Aziz sebagai <i>Executive Officer of the World Urban Parks Asia Pacific</i> iv. Sr Dr Ahmad Nazrin Aris Anuar sebagai <i>Board Member of the World Park Academy, World Urban Parks</i>	Makluman
	4. Dr Azman juga memaklumkan bahawa skim perkhidmatan G41 dengan nama skim 'Pengurus Taman' di bawah Jabatan Perhilitan kini boleh dimohon bagi graduan Program Pengurusan Taman dan Ameniti.	Makluman

	5. Dr Azman juga mencadangkan World Urban Parks juga mengiktiraf persatuan MyParks sebagai persatuan yang menyokong pembangunan taman di Malaysia.	Makluman
	6. Puan Asmah mencadangkan aktiviti berbentuk pendidikan dan interpretasi taman perlu dijalankan oleh MyParks berikutan terdapat permintaan daripada masyarakat yang menumpukan kepada aktiviti pelancongan di dalam negara. MyParks mencadangkan lokasi dibuat di Pulau Langkawi sebagai aktiviti pertama yang diketuai oleh Dato' Shaharuddin. Cadangan tajuk program ini ialah 'MyParks – Nature Interpretation Tour'.	Makluman & Dato' Shaharuddin


Disediakan oleh:



.....
Nur Suriani Salleh

Penolong Setiausaha Kehormat

Disahkan oleh:



.....
Dr. Noor Azlin Yahya

Presiden

4.0 LAPORAN SETIAUSAHA



Assalamualaikum warahmatullahiwalbarakatuh dan salam sejahtera kepada semua ahli-ahli MyParks yang dihormati

Pada tahun 2020, tidaklah dijangka tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) yang bermula pada 18 Mac 2020 akan berlanjutan. Pada Ketika itu MyParks sedang sibuk memulakan perancangan bagi pengajuran Anugerah MyParks dan sebuah persidangan yang dirancang untuk diadakan pada akhir tahun 2020. Apabila lockdown diteruskan bagi mengawal kesan pandemic COVID-19, dan buat pertama kalinya MyParks menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) di alam maya atau virtual meeting. Hanya 5 orang Ahli Majlis iaitu Presiden Dr. Noor Azlin Yahya, Ex-Officio YBhg Dato' Ismail Ngah, Penolong Setiausaha Pn Nur Suriani Salleh dan Setiausaha, saya, Noriah Mat sahaja yang berada secara fizikal di FRIM untuk menlangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan tahun lepas dengan semua ahli hadir secara maya.

Pada tahun ini kita telah belajar untuk menganjurkan mesyuarat, seminar, webinar dan sebagainya secara online dan mula merasakan bahawa bekerja online adalah normal dan tidak lagi kekok kerana kita sudah biasa dengan selok belok bekerja secara maya.

Walaupun dalam keadaan lockdown, Alhamdulillah, pada sesi Tahun 2020/2021 ini telah berjaya untuk menyiapkan tugas-tugas yang telah diamanahkan oleh para ahli. Saya dengan sukacita melaporkan bahawa banyak kemajuan telah Berjaya kita capai untuk kemajuan Pertubuhan. Bagi tujuan keselarasan pengurusan saya bahagikan tugas Setiausaha MyParks kepada 4 bahagian iaitu

- (1) Kemajuan Pentadbiran,
- (2) Kemajuan Aktiviti,
- (3) Kemajuan Kewangan, dan
- (4) Kemajuan Pertubuhan.

Ini adalah strategi untuk memperkemarkan sudut serangan (angle of attack) agar semua perkara yang dipersetujui pada AGM yang lepas dapat diselesaikan dengan baik.

Pada Sesi 2021, Pertubuhan MyParks mempunyai Jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang telah menjalankan aktiviti-aktiviti Pertubuhan secara sukarela seperti berikut:

Bil.	Jawatankuasa Kerja	Laporan Aktiviti	Ketua Jawatankuasa
1.	Pindaan Perlembagaan	6.1	Dr. Noor Azlin Yahya
2.	Perhubungan Antarabangsa	6.2	Dato' LAr. Ismail Ngah
3.	Komunikasi Strategik & Promosi	6.3	LAr. Noriah Mat
4.	Amalan Profesional	6.4	Hajah Rotina Mohd Daik
5.	MyParks Webinar Series	6.5	Dr. Noor Azlin Yahya
6.	Anugerah MyParks	6.6	Dato' LAr. Ismail Ngah
7.	Keahlian	6.7	Dr. Ahmad Nazrin Anuar

4.1 Laporan Kemajuan Pentadbiran

a. **Pindaan Perlembagaan** (AGM2020/E1-4)

Majlis telah berjaya untuk bermesyuarat sehingga selesainya penelitian kandungan Perlembagaan dan memuktadkan kertas cadangan pindaan perlembagaan yang saya akan bentangkan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan 2021 ini. Rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.1 Pindaan Perlembagaan.

b. **Status Keahlian** (Perlembagaan: Fasal 4)

Bil.	Kategori Ahli	Jumlah Ahli Baru	Jumlah
1.	Ahli Profesional	3	42
2.	Ahli Bersekutu Pelajar	0	38
3.	Ahli Bersekutu Individu	0	1
4.	Ahli Bersekutu Awam	0	1

Disarankan untuk MyParks mengadakan Membership Drive bagi meningkatkan bilangan ahli setelah pindaan perlembagaan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.7 Keahlian.

c. **Pelaporan Pertubuhan MyParks kepada ROS (AGM2020/D10,D12,E2)**

Setiausaha dan Penolong Setiausaha telah pun berjaya mengemaskini status pelaporan pertubuhan sehingga sesi tahun terkini.

d. **Perwakilan MyParks ke World Urban Parks Organization (WUP) (AGM2020/G-3)**

Lima Ahli MyParks telah dilantik di dalam Jawatankuasa World Urban Parks Organization di dalam beberapa kapasiti. Sila rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.2 Perhubungan Antarabangsa.

4.2 Laporan Kemajuan Aktiviti

Kemajuan aktiviti yang telah dinyatakan di dalam minit Mesyuarat Agung yang lepas adalah seperti berikut:

a. **Website MyParks (AGM2020/F1-4)**

Rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.3 Komunikasi Strategik & Promosi.

b. **MyParks di dalam Hari Landskap Negara 2021(AGM2020/F4)**

Rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.4 Amalan Profesional.

c. **MyParks Webinar Series: W01 (Perlembagaan: Fasal 6)**

Rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.5 MyParks Webinar Series.

d. **Anugerah MyParks Bagi Taman & Rekreasi (AGM2020/G2)**

Rujuk Laporan Aktiviti perkara 6.6 Anugerah MyParks Bagi Taman & Rekreasi.

4.3 Laporan Kewangan (Perlembagaan: Fasal 10)

Bil.	Jumlah Di Dalam Bank	JUMLAH (RM)	Lebih/Susutan (RM)
1.	Jumlah pada 1/1/2020	11,323.26	-
2.	Jumlah pada 1/1/2021	10,923.08	(400.18)
3.	Baki pada 31/05/2021	12,282.23	1,359.15

Sila Rujuk perkara 5.0 Laporan Bendahari.

4.4 Kemajuan Pertubuhan (Perlembagaan: Fasal 6)

Terdapat 2 perkara yang disebut di dalam minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 Tahun 2021 yang telah tidak dapat dilaksanakan oleh Majlis MyParks Sesi 2019/2021 iaitu:

a) **Pakatan Strategic (Strategic Alliance)** (AGM2020/F4)

Ex-Offico dan Board Member World Urban Parks YBhg Dato' Ismail Ngah mengusulkan agar MyParks Dato' Ismail mencadangkan supaya alliance MyParks seperti Pihak Berkuasa Tempatan dimasukkan ke dalam laman web.

Program ini telah tidak dapat dilaksanakan memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan tidak mengizinkan MyParks untuk membuat kunjungan hormat untuk berbincang dengan YDP di Pihak Berkuasa Tempatan secara rasmi.

b) **Program MyParks – Nature Interpretation Tour** (AGM2020/G6)

Pn Asmah Yahaya mencadangkan aktiviti berbentuk pendidikan dan interpretasi taman perlu dijalankan oleh MyParks berikutan terdapat permintaan daripada masyarakat yang menumpukan kepada aktiviti pelancongan di dalam negara. MyParks mencadangkan lokasi dibuat di Pulau Langkawi sebagai aktiviti pertama yang diketuai oleh Dato' Shaharuddin.

Program ini telah tidak dapat dilaksana juga akibat Perintah Kawalan Pergerakan tidak mengizinkan MyParks untuk bergiat dalam tempoh wabak melanda Negara.

Demikianlah laporan saya sebagai Setiausaha MyParks yang saya sayangi ini.

Saya ingin memohon maaf di atas segala kekurangan, salah silap tutur kata dan tingkah laku di dalam memikul amanah dan tanggungjawab sebagai Setiausaha MyParks.

Saya amat rasa bertuah kerana diberi peluang untuk menyumbang khidmat saya dan berganding bahu dengan personaliti yang amat berkaliber dan bersemangat dalam usaha menjayakan hasrat murni MyParks untuk kesejahteraan semua.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Presiden, Timbalan Presiden, Bendahari, Penolong Setiausaha, Ahli-ahli Majlis dan terutamanya YBhg Dato' Ismail Ngah di atas dorongan dan semangat yang sentiasa menyemarak untuk terus menjayakan Pertubuhan MyParks. Terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli MyParks di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Kepada barisan Ahli Majlis MyParks sesi baru Tahun 2021/2023, saya mengucapkan Selamat Menjalankan Tugas demi kemajuan dan kecemerlangan MyParks.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,



LAr. Noriah Mat,

Setiausaha Kehormat

MyParks

18 September 2021

Putrajaya

5.0 LAPORAN BENDAHARI

5.1 RINGKASAN PENYATA KEWANGAN MyParks

Tempoh 1 Januari 2020 Sehingga 31 Disember 2020

1. PENDAPATAN (RM)

A. Pendapatan Operasi

a. Yuran Kemasukan :	RM 1,050.00
b. Yuran Ahli :	RM 3,000.00
e. Lain-Lain :	RM 0.00

B. Hasil Aktiviti Menjana Dana

a. Majlis Makan Malam :	RM 0.00
b. Lain-Lain :	RM 0.00

C. Lain-Lain Pendapatan :	RM 3,102.22
---------------------------	-------------

D. JUMLAH PENDAPATAN :	RM 7,152.22
-------------------------------	--------------------

1. PERBELANJAAN (RM)

A. Aktiviti Menjana Dana

a. Perbelanjaan Penganjuran Aktiviti :	RM 2,500.00
b. Promosi Aktiviti Pertubuhan :	RM 0.00
c. Yuran Penyertaan :	RM 0.00
d. Lain-Lain :	RM 0.00

B. Kos Pentadbiran

a. Bekalan Pejabat :	RM 0.00
b. Pengangkutan :	RM 0.00
c. Caj Bank :	RM 1.50
d. Lain-Lain :	RM 0.00

C. Lain-Lain Perbelanjaan :	RM 5,050.90
-----------------------------	-------------

D. JUMLAH PERBELANJAAN :	RM 7,552.40
---------------------------------	--------------------

RINGKASAN PENYATA IMBANGAN

BIL. PENERANGAN	JUMLAH (RM)
i. Jumlah Di Dalam Bank pada 1/1/2020	RM 11,323.26
ii. Pendapatan (Rujuk Bhg. 1)	RM 7,152.22

iii.	Perbelanjaan (Rujuk Bhg. 2)	RM 7,552.40
iv.	Lebihan Pendapatan (1-2)	RM (400.18)
v.	Baki Di Dalam Bank* pada 31/12/2020	RM 10,923.08
vi.	Tunai Di Dalam Tangan	RM 444.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	RM 11,367.08

*** No Acc MyParks: 12-177-01-000323-5 Bank Islam UiTM, Shah Alam**

**** Sila Rujuk LAMPIRAN 5A bagi keterangan lengkap Penyata Kewangan MyParks.**

Dilaporkan oleh Bendahari :	Sr Dr. Ahmad Nazrin Aris Bin Anuar
Disemak oleh Juru Audit 1:	Datin Seri Mazzueen Binti Md Khalid
Disemak oleh Juru Audit 2:	YM Tengku Ravalina Binti Tengku Mohd Adlan

5.2 RINGKASAN PENYATA KEWANGAN MyParks

Bagi Tempoh 1 Januari 2021 Sehingga 31 Mei 2021

1. PENDAPATAN (RM)

A. Pendapatan Operasi	
a. Yuran Kemasukan :	RM 150.00
b. Yuran Ahli :	RM 2,000.00
c. Lain-Lain :	RM 0.00
B. Hasil Aktiviti Menjana Dana	
a. Majlis Makan Malam :	RM 0.00
b. Lain-Lain :	RM 0.00
C. Lain-Lain Pendapatan :	RM 0.00
D. JUMLAH PENDAPATAN :	RM 2,150.00

2. PERBELANJAAN (RM)

A. Perbelanjaan Operasi / Kebajikan	
a. Perbelanjaan Aktiviti Kutipan Derma :	RM 0.00
b. Lain-lain	RM 0.00
B. Perbelanjaan Aktiviti Menjana Dana	
a. Perbelanjaan Penganjuran Aktiviti :	RM 0.00
b. Lain-Lain :	RM 0.00
C. Kos Pentadbiran	
a. Bekalan Pejabat :	RM 0.00
b. Caj Bank :	RM 0.50
c. Lain-Lain :	RM 0.00
D. Lain-Lain Perbelanjaan :	RM 790.35
E. JUMLAH PERBELANJAAN :	RM 790.85

RINGKASAN PENYATA IMBANGAN

BIL.	PENERANGAN	JUMLAH (RM)
i.	Jumlah Di Dalam Bank pada 1/1/2021	RM 10,923.08
ii.	Pendapatan (Rujuk Bhg. 1)	RM 2,150.00
iii.	Perbelanjaan (Rujuk Bhg. 2)	RM 790.85
iv.	Lebih Pendapatan (1-2)	RM 1,359.15
v.	Baki Di Dalam Bank* pada 31/05/2021	RM 12,282.23
vi.	Tunai Di Dalam Tangan	RM 427.50
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	RM 12,709.73

* No Acc MyParks: 12-177-01-000323-5 Bank Islam UiTM, Shah Alam

** Sila Rujuk LAMPIRAN 5B bagi keterangan lengkap Penyata Kewangan MyParks.

Dilaporkan oleh Bendahari : Sr Dr. Ahmad Nazrin Aris Bin Anuar

Disemak oleh Juru Audit 1: Datin Seri Mazzueen Binti Md Khalid

Disemak oleh Juru Audit 2: YM Tengku Ravalina Binti Tengku Mohd Adlan

5.3 PERAKUAN PENERIMAAN JURUAUDIT BAGI PENYATA TAHUNAN



PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks)

Perlembagaan Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti Dan Rekreasi Malaysia (Myparks) atau disebut sebagai Pertubuhan telah menetapkan:

1. Fasal 10 Kewangan Klausula 5, Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.
2. Fasal 10 Kewangan Klausula 6, Tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula dari 1 Januari.
3. Fasal 11 Juruaudit Klausula 1, Dua orang yang bukannya pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka yang memegang jawatan selama dua tahun boleh dilantik semula.
4. Fasal 11 Juruaudit Klausula 2, Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Pertubuhan bagi setiap tahun. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangani penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit penyata kewangan Pertubuhan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA MESYUARAT AGUNG PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN, AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks) BAGI PENYATA TAHUNAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Mengikut peruntukan Perlembagaan Pertubuhan, kami melaporkan prestasi audit Pertubuhan yang telah dimandatkan dan diamanahkan kepada kami melalui Laporan Juruaudit ini.

Kami telah membuat auditan terhadap penyata kewangan tersebut di atas, yang disediakan mengikut tatacara dan format yang telah ditetapkan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia, yang menunjukkan penyata imbalan dengan baki keseluruhan sebanyak **RM 11,367.08** dan kekurangan untuk akhir tahun sebanyak **RM 400.18**.

Kami telah memeriksa bahan-bahan bukti yang menyokong jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kira-kira / kewangan Pertubuhan. Kami juga telah membuat penilaian terhadap prosedur perakaunan serta pembentangan penyata kewangan secara menyeluruh dan percaya bahawa audit kami memberi asas munasabah bagi kami mengemukakan pendapat terhadap penyata kira-kira / kewangan Pertubuhan yang tersebut di atas memberi gambaran yang betul dan benar terhadap kedudukan kewangan Pertubuhan.

 Datin Seri Mazueen binti Md Khalid Juruaudit 1 MyParks Tarikh: _____	 Tengku Ravalina binti Tengku Mohd Adlan Juruaudit 2 MyParks Tarikh: _____
---	--

LAMPIRAN 5A

PENYATA KEWANGAN MYPARK DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2020

Bil.	PEMBAYARAN	Ruj	RM
1	Baki dibawa ke hadapan dalam Bank 31 Januari 2020		11,323.26
2	Yuran Masuk dan Tahunan Keahlian 2020 = Ahli Professional		2,500.00
3	Yuran Masuk dan Tahunan Keahlian 2020 = Ahli Bersekutu Pelajar		950.00
4	Yuran Masuk dan Tahunan Keahlian 2020 = Bersekutu Institusi Awam		600.00
5	Perbadanan Putrajaya	25.03.2020	2,500.00
6	Baki Putrajaya Parks Day 2020 Masuk oleh Cik Suriani (Pen. Setiausaha)	20.06.2020 Online	599.40
7	Profit Paid bank		2.82
JUMLAH PENERIMAAN DALAM BANK			18,475.48
Bil.	PERBELANJAAN	Ruj	RM
1	Putrajaya Parks Day 2020	AP 1/2020	2,500.00
2	Website Development Kerja 1.10 dan 1.20	AP 2/2020	3,400.00
3	Membership WUP	SB002020/01	1,650.90
4	Cheque Processing Fee		1.50
JUMLAH PERBELANJAAN BAKI DALAM BANK			7,552.40
LEBIHAN/(KURANG)			10,923.08
	Pembelian melalui tunai di tangan oleh Cik Suriani		
1	Pembelian setem	25.08.2020	5.00
2	Makan pagi Mesyuarat Council MyParks	12.09.2020	78.00
JUMLAH PERBELANJAAN BAKI TUNAI DI TANGAN			83.00
JUMLAH BESAR PERBELANJAAN KESELURUHAN			7635.40
	Baki Wang di tangan Pada 31 Disember 2020		444.00
	Baki Wang di bank BMB Pada 31 Disember 2020		10,923.08
JUMLAH KESELURUHAN			11,367.08

Baki Tunai di Tangan:
RM27 Di tangan bendahari
RM500 Di tangan Suriani-Berdasarkan minit meeting 06.2020

Disediakan oleh:

Tarikh: 23 Ogos 2021

PM Sr Dr Ahmad Razrin Aris Bin Anuar
Bendahari
MyParks

No Acc : 12-177-01-000323-5
Bank Islam UITM, Shah Alam

Disemak oleh Juru Audit Dalam 1

Disemak oleh Juru Audit Dalam 2

YM Tengku Ravallina Binti Tengku Moha Adlan

Datin Seri Mazzeen Binti Md Khalid

LAMPIRAN 5B

PENYATA KEWANGAN MYPARK DARI JANUARI HINGGA MEI 2021

Bil.	PEMBAYARAN	Ruj	RM
1	Yuran Masuk dan Tahunan Keahlian 2021 = Ahli Professional		2,150.00
2	Yuran Masuk dan Tahunan Keahlian 2021 = Ahli Bersekutu Pelajar		-
3	Yuran Masuk dan Tahunan Keahlian 2021 = Bersekutu Institusi Awam		-
			-
			-
			-
JUMLAH PENERIMAAN DALAM BANK			2,150.00
Bil.	PERBELANJAAN	Ruj	RM
1	Registration World Congress 2020-WUP	AP 3/2020	790.35
			-
			-
1	Cheque Processing Fee	01.2021	0.50
JUMLAH PERBELANJAAN BAKI DALAM BANK			790.85
LEBIHAN/(KURANG) PERBELANJAAN BANK			1,359.15
	Pembelian melalui tunai di tangan oleh Cik Suriani		
1	Pembelian thumbdrive	08.02.2021	16.50
JUMLAH PERBELANJAAN BAKI TUNAI DI TANGAN			16.50
	Baki Wang di tangan Pada 31 Mei 2021		427.50
	Baki Wang di bank BMB Pada 31 Mei 2021		12,282.23

Baki Tunai di Tangan:
RM27 Di tangan bendahari
RM417 Di tangan Suriani-Berdasarkan minit meeting 06.2020

Disediakan oleh:

Tarikh: 23 Ogos 2021

No Acc : 12-177-01-000323-5
Bank Islam UTM, Shah Alam

PM Sr Dr Ahmad Nazrin Aris Bin Anuar
Bendahari
MyParks

Disemak oleh Juru Audit Dalam 1

YM Tengku Ravalina Binti Tengku Moha Adlan

Disemak oleh Juru Audit Dalam 2

Datin Seri Mazzeen Binti Md Khalid

6.0 LAPORAN AKTIVITI

6.1 Pindaan Perlembagaan (AGM2020/E1-4)

FASAL 16

PINDAAN PERLEMBAGAAN

1. Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Menurut minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-6 Tahun 2020 MyParks yang di adakan pada 27 September 2020 Perkara E Pindaan Perlembagaan, mesyuarat agung menetapkan bahawa pindaan perlembagaan hendaklah dibuat semula kepada Pendaftar Pertubuhan ekoran penolakan pindaan yang telah dikemukakan pada tahun sebelumnya di atas sebab-sebab teknikal yang kurang jelas.

